# Berita Harian - Orang Ramai Mahu Waktu Operasi UTC Dikekalkan

Isnin, Dis 17 2018

HINGGA JAM 7 MALAM

# Orang ramai mahu waktu operasi UTC dikekalkan

Kerajaan diminta pertimbang cadangan had waktu baharu

Oleh Wartawan NSTP
cnews@nstp.com.my

Shah Alam BH 15/12/18

Orang ramai meminta agar kerajaan mengekalkan waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara dari jam 8.30 pagi hingga 10 malam.

Berdasarkan tinjauan di Shah Alam, Seremban, Johor Bahru, kerajaan tidak meneruskan arahan ditandatangani Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir, bertarikh 12 Disember 2018 yang memaklumkan UTC akan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 7 malam mulai 1 Januari ini.

Di **Shah Alam**, tinjauan *NSTP* di Anggerik Mall, mendapati orang ramai masih lagi mendapatkan perkhidmatan yang ada di situ walaupun jam hampir 9 malam.

**Banyak memberi kemudahan**

Malah mereka juga tidak tahu operasi baharu itu serta tidak setuju dan berharap kerajaan mempertimbangkan kembali susulan ia banyak memberi kemudahan kepada orang ramai.

Bagi kakitangan swasta yang tinggal di Bukit Naga di sini, Abdul Alif Mohd Saad, 21, berkata beliau mempat pada masanya. Waktu malam adalah tempoh untuk kami mendapatkan perkhidmatan di sini. Keluar pejabat bukan boleh sesuka hati," katanya.

Kakitangan swasta dari Klang, Badrulzaman Abdul Jalil, 25 pula berkata waktu operasi sedia ada lebih praktikal berbanding dengan yang baharu itu.

Kakitangan swasta, Abdul Aziz Mohd, 59, juga berpendapat tempoh operasi baharu itu tidak praktikal kerana kakitangan swasta lewat keluar dari tempat kerja dan hanya sempat melakukan urusan di jabatan kerajaan selepas Maghrib.

"Pelbagai agensi ada di sini termasuk Klinik Kesihatan UTC, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memudahkan hingga 10 malam untuk memudahkan mereka yang di luar bandar mendapatkan perkhidmatan di jabatan kerajaan.

"Saya sebagai penduduk luar bandar berasa terkilan sekiranya waktu operasi UTC ditukar kerana ada antara penduduk yang perlu mengambil masa perjalanan sekitar hampir sejam untuk datang ke bandar," katanya.

Tinjauan di **Seremban** pula mendapati penduduk mahu operasi hingga jam 10 malam dikekalkan.

Bagi kakitangan swasta, Mia Nur Hamizah Abdul Ghapar, 30, kerajaan sepatutnya mengekalkan waktu perkhidmatan seperti biasa sehingga jam 10 malam kerana memberi manfaat kepada rakyat.

"Bagi saya yang menetap di Port Dickson, hanya berkesempatan ke UTC di Seremban selepas jam 6

Kuantan, Ipoh dan Alor Setar, hampir semua pengguna yang ditemui mahu kerajaan mengekalkan waktu operasi semasa.

Dengan itu, mereka berharap

minta agar kerajaan mempertimbangkan semula keputusan un tuk memendekkan waktu operasi UTC.

"Jika waktu habis berkerja 6 petang belum tentu boleh keluar te-

kami berurusan dengan jabatan kerajaan," katanya.

Di **Sungai Petani**, Roslan Omar, 54, yang bekerja sendiri berkata waktu operasi UTC perlu dikekal-

petang. Jarak perjalanan dari Port Dickson ke Seremban antara 40 hingga 50 minit, namun apabila tiba, premis sudah ditutup," katanya.